




# Santai dan Pandang Langit Berbintang


Zin bersuluhkan harapan, kebahagiaan dan kebiasaan.

Zin 'Santai dan Pandang Langit Berbintang' ini digubal oleh Farid Nad dengan kerjasama Zulkifli Ziyad, Valis, Umar Sharif, Allyson Tan dan Danni S dari komuniti OKU Queer Malaysia. Karya ini ditauliahkan oleh Innovation for Change - East Asia dan diterbitkan buat kali pertama dalam talian di [eastasia.innovationforchange.net](http://eastasia.innovationforchange.net) pada November 2022.



## SANTAI DAN PANDANG LANGIT BERBINTANG

Zin bersuluhkan harapan, kebahagiaan  
dan kebiasaan.



# Isi Kandungan

Content	Page
<u>Isi Kandungan</u>	2
<u>Prakata</u>	3-4
<u>Rakan Pengkarya - Zul</u>	5
<u>Jemput Pacinkos!</u>	6-7
<u>Rakan Pengkarya - Valis</u>	8
<u>Biar Bendera Berkibar</u>	9
<u>Rakan Pengkarya - Nana</u>	10
<u>Rehatkan Amukmu</u>	11
<u>Kubanggakan Kegemukan</u>	12
<u>Dua Queer Perang di Bar</u>	13
<u>Rakan Pengkarya - Allyson</u>	14
<u>Nokturnal</u>	15-21
<u>Kucing Kentut Rupa Wajahku</u>	22-23
<u>Rakan Pengkarya - Umar</u>	24
<u>Rakan Pengkarya - Danni</u>	25
<u>Beli Berbelah</u>	26-27
<u>Rakan Pengkarya - Farid</u>	28
<u>Keajaiban Saling Berjumpa</u>	29-39
<u>Epilog Keajaiban Saling Berjumpa</u>	40-41
<u>Sumber-sumber</u>	42-43
<u>Rakan Organisasi</u>	44-46

# Foreword



Hewo! Terima kasih kerana telah memilih zin ini, kami harap dari pusat komuniti berdekatan anda. Saya Farid Nad, ketua projek Santai dan Pandang Langit Berbintang. Proses pembuatan zin ini adalah sebuah pengembaraan dari mula ke akhir, dan ada banyak cerita yang ingin saya kongsi.

Sebagai seorang queer yang juga kurang upaya, ada pengalaman unik apabila kau berada di persimpangan dua identiti terpinggir. Kau sering rasa terpinggir bahkan di kalangan kita-kita sendiri. Pergi ke mesyuarat queer tapi tak ada laluan kerusi roda. Berkumpul di ruang kurang upaya tapi selalu dipanggil dengan jantina yang salah.



Saat-saat begini adalah masa kita ciptakan komuniti sendiri, di mana bukan saja identiti kita diterima tapi dianggap biasa. Inilah objektif Santai dan Pandang Langit Berbintang, di mana saya menghubungi beberapa orang Malaysia yang queer dan juga kurang upaya untuk bergabung dan meluahkan sentimen yang sama dalam karya kami.

Kami bertujuh telah mencurahkan sepenuh hati dan fikiran bersama untuk mempersembahkan koleksi karya-karya terpilih dalam satu zin. Kami harap zin ini dapat secara lembut mengingatkan semua orang bahawa ada harapan, kebahagiaan dan keserba biasaan dalam hidup ini, dan kita mampu untuk santai dan pandang langit berbintang.

Salam sayang,  
**Farid Nad**  
Peneraju Projek



# Rakan Pengkarya

**Zulkifli Ziyad**  
[@rempitcore](#)



**Dia/dia**  
19

*Transmaskulin Non-  
Binari*



*Neurodivergen*

Seorang lelaki kecil dan kelakar, pengisi masa lapang. Zul suka menikmati dan menciptakan seni dalam banyak bentuk termasuk lukisan, fotografi dan sekali-sekala juga muzik. Dia adalah rakan "dalam talian" tempatan, tanyalah dia apa-apa jenis meme dan dia pasti akan dapat carikan untuk kamu.

## **Fotografi** **'Jemput Pacinkos!'**

Saya dapat ilham untuk mencipta kolaj foto bertema buku nota sekolah rendah, kerana apabila saya fikirkan kegembiraan, saya teringat masa saya di sekolah rendah. Saya cuba sampaikan bahawa ada kegembiraan dalam hal biasa seperti makan malam bersama. Orang yang anda lihat dalam kolaj gambar berikut adalah para queer dan/atau orang kurang upaya dan saya ingin berkongsi peringatan bahawa tak salah untuk santai dan berharap bahawa dunia ini tak seteruk yang kita lihat.





# Rakan Pengkarya



**Valis**  
[@valistarrii](#)

**They/him**  
21

*Transmaskulin Non-  
Binari*



*Neurodivergen  
Kemurungan & Kegelisahan*

Di mana ada sesuatu yang sedang diciptakan, di situ akan ada Valis. Dia paling bersemangat dalam bab penciptaan, baik seni, menulis mahupun permainan (digital dan analog!). Dia suka mengenalkan pengalaman baru melalui karyanya, dan sering dijumpai tidur siang dengan selesa di suatu sudut ataupun ghairah berbincang tentang warna dan robot.

## **Ilustrasi**

### **'Biar Bendera Berkibar'**

Inspirasi utama karya saya ini adalah merangkul bahagian terbaik dua komuniti yang bersilang dan untuk meraikan cinta dan keindahan yang mampu kami pameran. Saya juga ingin menampilkan keindahan semulajadi pasangan queer dalam saat keintiman yang biasa-biasa saja.



# Rakan Pengkarya



**Nana**  
[@nanawrote](#)

**They/her**  
37

*Biseks Non-Binari*

*Kemurungan + Dan  
Lain-lain*

Dengan keperibadian rambut gaya mullet sesat jalan, Nana nampak tegas bila di depan muka tapi sebenarnya sebuah pesta disko lepas kenal lama (bunyi PRAK! dari kiropraktor memang selalunya seronok!).

## Puisi

'Kubanggakan Kegemukan'

'Rehatkan Amukmu'

'Dua Queer Perang di Bar'

Selalunya saya menulis dengan diri saya sendiri sebagai pembaca utama: untuk meredakan kebimbangan tentang kegemukan yang tak diingini, untuk memujuk diri bahawa serangan tantrum itu telah lama ingin menggelegak ke permukaan dan untuk merakam detik-detik kecil kegembiraan duniawi dengan rakan queer yang mempunyai minat yang sama.

# Rehatkan Amukmu

Izinkan aku memeluk angin yang naik  
meregang ketat kulit  
berisi amarah, senyuman longgar makna  
menggumam kata "okay, aku okay" aku  
meriba berat  
kepalamu, rehat sayang, di atasku  
percayakan bebenang di antara  
genggamku dan gas badanmu  
hingga pori-pori membuka jalan  
lega keluar, hingga kau manja  
kembali di tapak tanganku lagi.

# Kubanggakan Kegemukan

tak ramai mampu  
temu aksara 'tuk mengeja  
gemukmu yang menggoda  
dan meranum  
segenggam penuh  
mengalir lekit limau purut  
dalam pulut putih dan santan  
lengkungmu lebar daun pisang  
melipat ke arahku bak petanda mujur  
jujurlah: inilah kelazatan  
inilah yang lama aku harapkan  
rasam masam yang membasahkan  
rongga tekak seperti nasihat teladan  
dan tajam yang membelah bengkok  
permukaan lidah dan tenggelam  
dalam kenangan makan siang rasamu  
tak ramai 'kan faham  
tapi mereka menuntut dewata melutut  
dengan tulang-tulang berserpih  
mengumpil di celah gigi  
sedang aku mabuk melahap manggamu.

# Dua Queer Perang Di Bar

Dia, wanita separa Sailan, penulis  
melimpah di atas margarita dan perbualan  
tentang Scarlett yang direnggut takhtanya.

Dia sanggup ke Singapura demi Bianca,  
tambahku, "Aku kurang gemar dia, tak boleh ke  
kita melawak tanpa perlu kejam?"

Merejam dendeng babi dan bantal kentang  
aku baru kenal Mahsuri lebih dari sekadar lembing  
dan darah putih setelah jadi pemuisi.

Lama aku menganggap ikan todak  
adalah kisah milik Malaysia, kita  
paling pintar dalam mengaku memiliki.

Macam Belanda tamakkan tanah  
kita bertukar sempadan dan lautan  
untuk kaki yang mendaki jarak percintaan.

# Rakan Pengkarya

**Allyson Tan**  
[@smhallyson](#)



**She/they/he/eir**  
19

*Biseks*

*Kurang Upaya*

Seperti ramai pelajar universiti lain, Allyson sedang berkarya sambil meneroka dunia, mencuba jadi penulis dan menemui dirinya yang sebenar. Dia suka banyak hal: animasi bertema dewasa, mainan teka-teki, dan patung lego yang akan mengumpulkan habuk di atas meja. Dia tidak sedar bahawa Malaysia mempunyai komuniti queer yang aktif sebelum terlibat dengan projek ini, dan dia rasa teruja.

## **Prosa**

### **'Nokturnal'**

Saya dapat ilham untuk menulis Nokturnal dari kenangan tentang malam-malam di universiti, ketika saya masih tinggal di kampus. Cerita saya menerokai bagaimana menjadi sebahagian dari komuniti yang tak dianggap dan menemukan ikatan persahabatan telah membantu saya dalam melawan kecelaruan pemakanan. Saya menemukan kegembiraan dan harapan dalam hidup dengan setiap kawan queer yang berkongsi perspektif hidup yang serupa.

# NOKTURNAL

Alice tak pernah suka memulakan hari seawal matahari terbit: dia memilih untuk mula tepat pada saat jam dua belas.

Bulan seharusnya menjadi simbol akhir pada hari, tapi ia berada di posisi paling tinggi ketika hari baru bermula. Alice lebih gemar malam bulan yang lembut dibandingkan kerasnya terik matahari: para dewata berujar jelas di bawah sunyinya malam, menyaksikan semua orang yang melintasi mata mereka.

Ketika bulan terbit, begitu juga dewata senja yang dengan gemalai mengumpul rahsia terucap dan membalutnya dalam kilau bintang, melindungi semuanya dari mata-mata yang mengintai agar tiada sesiapa pun yang dapat mengenali sisi intimmu, sisi yang hanya para puak nokturnal tahu.

Tiada prejudis di bawah realiti yang tajam dan tak bersebab sebelum tibanya subuh, kerana setiap makhluk begitu aneh, sehingga aneh menjadi normal. Pernahkah kau menyimpan prasangka terhadap orang ketika bulan tinggi di langit?

Jika sekumpulan anak muda berkongsi tentang kerumitan dunia, adakah kau akan menghakimi mereka ketika matahari memancarkan bayang dari birai tingkap, atukah ketika malam tiba?

Menurut Alice, puak nokturnal adalah mereka yang menemukan kemakmuran dalam kegelapan, yang menunjukkan warna sebenar ketika masyarakat tertidur, di tempat-tempat yang paling luar biasa; di sunyi kelab malam terheboh, di lebatnya hujan, di bawah malam yang bergemerlapan dengan konstelasi yang menerangi dunia. Mereka melihat dunia sama sepertinya, wujud dalam realiti yang sama tapi mengalami hari-hari dengan lebih terang dan berwarna, tak dihalang oleh mereka yang tidur pada waktu matahari tenggelam.

“Kau pernah cium perempuan?”

“Tak pernah.”

“Nak cuba?”

Alice tak pernah menyangka akan menemukan itu dalam diri orang lain, orang yang melihat dunia dengan terang yang sama, tawa mereka berkontras tajam dengan sunyi senja. Mungkin dia juga pernah menginginkan untuk bersama mereka.

--

“Tak, aku menyampuk sebab aku nak tahu kenapa kau tulis: Phantom of the Opera adalah salah satu pementasan kegemaranku.” Perempuan dengan poni perang membetulkan Alice di sela kunyahan pizza yang mereka kongsi, sambil sabar menunggu kawan-kawan lain.

Ini masih seperempat malam, menghabiskan sesaat di sini dan seminit di sana pun tak mengapa. Sekarang ini, Jacqueline hanya mahu dengar tentang pementasan dan bukan hal lain.

Hanya satu hal yang mengganggu Alice, iaitu pizza di depan matanya: bau menggoda, air ludah terkumpul dalam mulut yang terliur untuk makan. Dia menghulurkan tangan perlahan seolah-olah satu gigitan kecil adalah dosa besar, bahawa dia akan dihukum mati oleh Tuhan (tapi sebenarnya hanya keluarganya yang akan menghukum setiap tingkah laku yang dia pilih). Akhirnya pizza itu tidak tersentuh, seolah-olah tangannya ditampar oleh seorang wanita garang.

“Oh, tak, saya suka dua-dua. Jatuh cinta pandang pertama dengan musikal setelah menontonnya langsung,” kata Alice sambil tersenyum, melihat kegirangan di mata Jacqueline, ditambah secubit rasa cemburu.

“Kau tengok langsung?! Untungnya!” ujarnya penuh takjub, aroma gula-gula getah dari vape tercetus dari bibirnya. Alice menganggap apa pun cara merokok adalah malapetaka separah letusan gunung api, tapi pada waktu ini sesuai dengan lipstick merah terang dan seluar kargo buatan khas yang dia pakai seolah seragam. Malam itu lebih berwarna dari biasanya: mentol menguning menenangkan suasana, botol soju hijau saling berlaga dalam beg putih Alice.

Jubin hitam menandakan hujung restoran dan warna gurisan merah jambu, biru dan ungu membingkai mahakarya pengalaman setiap malam. Rasa laparnya mencuba untuk memudarkan warna-warna itu, dia hampir menarik tangannya kembali apabila -

“Eh, makanlah. Kau tu dah cantik, dan tak elok minum dengan perut kosong.” Warna-warna muncul lagi tercampur di antara rasa terkejut dan kesedaran, tapi sebelum dia sempat menjawab, kawan-kawannya datang memulakan topik baru, hingga perbualan tadi seolah terlupakan.

(Tapi Alice tak lupa: dia cuba menepikan kata-kata Jacqueline sebelum kawan-kawan mereka datang, tapi itu sahaja yang terngiang setiap kali dia makan kudapan.)

--

Puak nokturnal ada cara sendiri untuk kenal ahli puak nokturnal lain: sikap acuh-tak-acuh atau sekadar cara berpakaian: terang, berani dengan warna ranggi, monokrom penuh dengan perhiasan yang membuat para konservatif muntah darah.

Gaya Alice pula selalunya adalah pin pelangi di jaket jeansnya. Kebanyakan gay yang dia kenal merupakan puak nokturnal, orang-orang yang dari dulu ada untuk membuat semuanya lebih menarik dibandingkan waktu dahulu.



Ahli puak nokturnal boleh jadi sesiapa sahaja, tapi dia jarang jumpa sehinggalah pertama kali sampai di kampus. Sebelum itu, dia sering dituduh aneh. Biasanya orang bangun awal pagi, marah ibunya setiap kali Alice lewat makan tengahari. Gay ni bermasalah mental, bebel bapanya penuh berbisa di meja makan. Kamu ni gemuk betul, ada bela apa dalam perut? Ibunya sering sinis, sambil menunjuk ke arah perutnya sebelum menjeling Alice dengan pandangan meluat.

Tapi puak nokturnal di sini menyanyikan lagu berbeza. Perlahan-lahan, Alice mulai bersinar: tak lagi merasa sunyi di antara bintang di langit, di antara orang-orang yang memahaminya. Beberapa hari barulah dia sedar bahawa dia tak lagi sering muntah.

Ketulan dan asid perut di dalam tandas tergantikan oleh bungkusan kerepek, ketika Alice mendengar kawannya bercerita tentang orang yang dia suka, pujian selepas pentas terbuka yang dia kunjungi selepas makan malam, protes olok-olok tentang peraturan “larangan membawa makanan”, dan gelak ketawa ketika sesi DnD.

Dia ingat ahli parti yang memiliki semua ciri-ciri yang ibu bapanya pasti benci: gemuk, gay, dan tak akur jantina, dan bagaimana beliau hidup dengan keyakinan yang membara, tak ada yang berani melawan. Dia ingat bintang-bintang di mata pasangannya ketika mereka bercumbu lembut sambil menghias bod keju.




Dia ingat Jacqueline yang tetap tersenyum mesra ketika mereka berjumpa.

Bulan biasanya menjadi simbol akhir hari, tapi ia berada di posisi paling tinggi ketika Alice menjadi baharu semula, sewaktu dia berjalan di bawah sinar bulan, rahsianya dilindungi kegelapan.

Tiga belang merah jambu, biru dan ungu, ciuman mabuk yang mengujakan dengan kawannya di sinki tandas, parut luka yang makin sembuh seiring berat badan yang naik dari “kurus” ke “sihat”. Dewata langit berbintang menyimpan selamat rahsianya agar orang lain tak tahu.

Jam menunjukkan tengah malam, dan Alice bangkit dari kerusinya, siap untuk memulakan kembali hari.





# Rakan Pengkarya



**Umar Sharif**  
[@umar\\_shhh](#)

**He/Him**  
32

*Lelaki Cisgender*  
*Homoseks*

*Kecelaruan*  
*Kegelisahan*

Perlahan tapi pasti, melatih diri dalam seni. penulisan dan berlakon. “Baby” dengan rupa “Daddy”.

## Ilustrasi

### ‘Kucing Kentut Rupa Wajahku’

Ia adalah potret diri seorang normie (diri saya) dan kumpulan hal-hal biasa dalam hidup saya. Walau biasa, ia adalah hal gembira yang membuat hidup lebih nyaman. Sebab itu, potret saya dilukis merentasi elemen: kucing saya, ubat-ubatan, mi cawan, teh tarik dan kereta saya (saya suka memandu santai). Ia sebenarnya diilhamkan daripada lukisan pegun tradisional dan lukisan potret lama. Saya pada asalnya mencadangkan konsep yang sama dengan gaya lukisan yang lebih realistik, tetapi melihat yang lain menyumbang lukisan digital 3d yang menakjubkan, saya putuskan untuk beralih kepada gaya yang lebih rata sebagai kontras dan menumpukan pada aspek surealis.

# Rakan Pengkarya



**Danni S.**  
[@dandoge](#)

**They/Them**  
26

*Non-Binari*  
*Sapphic*

*“Sangat Normal”*

Danni adalah seorang mahasiswa sekolah seni persembahan tempatan yang sentiasa kepenatan. Dia sering membebel tentang permainan video dan juga K-Pop. Kadangkala ada kucing.

## Ilustrasi

### ‘Beli Berbelah’

Salah satu kenangan terindah tentang saya dan kawan rapat saya, Fared, ialah menolaknya melalui pusat beli-belah sambil bersenjatakan barangan runcit penuh di tangan, dan mop. Ia sangat menyeronokkan dan membebaskan, tetapi juga selamat dan selesa berada di samping seseorang yang membuat saya selesa berekspresi konyol tanpa rasa dihakimi. Pada masa itu, kita boleh benar-benar menakluk dunia.

Ini adalah imej cinta dalam keluarga yang ditemui; bukti bahawa tidak kira pertalian darah kita, tidak kira keadaan badan kita, kita saling menyayangi dan kita ada untuk satu sama lain.



# Collaborator Spotlight

**Farid Nad**  
[@farideacs](#)



**Dia/He**  
26

*Biseks agender  
Transmaskulin*



*Kurang upaya fizikal dan  
mental, neurodivergen*

Berasal dari kampung yang tenang, Farid adalah makhluk misteri kedai bundle dan peminat katak. Dia sering dijumpai memecut dengan kerusi rodanya untuk melarikan diri dari kapitalisme.

## **Komik**

**'Keajaiban Saling Berjumpa'  
'Epilog'**

Saya telah tahu sejak pertama kali mengemukakan konsep zine ini yang saya ingin buat komik tentang komuniti terbaharu yang saya temui, Magic: the Gathering. Komik ini meneroka bagaimana saya menemukan rasa kekitaan dalam berkongsi hobi yang mengumpulkan pemain dari semua lapisan masyarakat. Kecacatan dan sifat queer saya malah tampak biasa dalam dunia yang penuh dengan ahli sihir, naga dan kadbod.



Banyak yang boleh kita baca dari sekeping kad **Magic: The Gathering Card (MTG)**.

Sekali tengok kita tahu ini adalah nama kad.



Simbol dan nombor yang bermaksud kos.

'Makhluk'. Kategori kad ini.

Dan semua nota ini pastilah fungsi kad ini!

Dan aku percaya ada banyak yang boleh kita baca dari penampilan **pemain MTG**.

Dia sedikit montel, tapi kebanyakan **nerd** memang begitu.

Beberapa tampalan bergambar di jaket denim macam baju punk.



**Amboi**, tengok rambut tu. Gaya *milenium* mungkin.

Kerusi roda, dia perlu bantuan pergerakan.



Liesa mesti suka ni kan? Tengoklah cetusan **life gain\*** tu!

Dan setiap pemain pasti ada pemangkin yang mengenalkan mereka terhadap MTG.



Awak patut tambah **Aetherflux Reservoir!**

Boleh menang mutlak!



Dan pemangkin itu adalah adikku, **Eden**.

\**life gain* = kuasa tambah mata nyawa

Aku suka semua permainan, terutama permainan video.

Tapi aku menemukan maksud "bak melukut di tepi gantang" terlalu awal.



Aku cuba sorokkan identiti agar tak dibuli, tapi sebenarnya lebih susah nak sorokkan kurangnya kecekapan bermain.



Dan walaupun dalam permainan berperanan seperti Dungeons & Dragons, aku dan ciptaan ku tetap dipandang rendah.



Jadi bila Eden ajak aku untuk cuba **satu lagi** permainan...



\***Noob** = gelaran negatif dari kata newbie, atau pemula. Dengan maksud bahawa pemain tersebut sangat baru sehingga tidak cekap bermain.

\***Git gud** = ucapan mengejek yang secara harfiah bermaksud "mainlah lebih baik"





Aku terkejut dan terharu yang mereka masih ingat aku sebagai bahagian dari komuniti Alexandria walaupun dah lama tak jumpa.



Dan mulai dari itu, aku terpancing. Dan mula datang main setiap minggu.



Di mana identitiku bukan penghalang berkawan.

Dah tengok koleksi *Secret Lair* khas *Pride*? Aku nak pra-pesan!

Ya, saya suka betul kad yang dipilih dan ilustrasi mereka. Siapa sangka ada *Saheeli* sekali, kan?

Tapi diterima, bahkan dianggap biasa.

Maaf menyusahkan awak dengan beg kad saya, Joe. Faham-faham je lah kan.

Ala bro, tak payah risau. Saya memang suka menolong.

Memang betul, banyak yang boleh kita baca dari sekeping kad *Magic: The Gathering*.



Di komuniti ini, aku tak perlu takut untuk jadi diri sendiri.

Aku diterima dan dihargai. **Disambut dan dijemput.**

Tapi kepingan-kepingan kadbod ini mengandungi banyak makna, **lebih** dari yang pernah aku bayangkan.

# EPILOGUE



**Wah!** Boleh kongsi sikit **nasihat untuk pastikan kesejahteraan komuniti permainan** tak?

Hmm... Boleh rasanya, sebagai seorang, apa namanya, pemerhati.

**Kebaikan mencerminkan kebaikan.**  
Kita kena ingat, orang yang menguruskan lokasi tempat ahli komuniti berkumpul ni main peranan paling penting. Sebab kita cenderung berkumpul dengan orang sebulu, jadi komuniti tu biasanya mencerminkan nilai-nilai pemimpin mereka. Jadilah versi terbaik diri kau sendiri dan kumpulan pemain kau pun akan ikut sama.


**Berbaik hati.**  
Komuniti yang menyambut baik semua pemain mestilah menerima semua jenis orang. Sesiapa sahaja boleh jadi pemain baru, mesti merasa selamat menjadi diri mereka sendiri dan sama-sama rasa seronok. Sebab tu kita kena menentang semua bentuk diskriminasi, dan alu-alukan semua orang untuk belajar dan bermain.




**Tetapkan batasan yang jelas.**  
Satu lagi benda penting yang perlu kita ingat adalah batasan mestilah dihormati oleh semua pemain dan pemimpin mereka. Macam mana kita berinteraksi dengan orang baru mesti akan lain dengan orang yang dah biasa bermain. Tambahan lagi, sebagai pemimpin, menjaga jarak pun tak salah untuk memastikan kita tak berat sebelah dalam sebarang konflik.

**Siap untuk sesuaikan diri.**  
Ada pemain yang akan buat hal sendiri dan masa terluang mereka untuk bermain pun berkurang. Dan pemain baru biasanya akan datang dengan norma dan adat baru. Kita kena pandai sesuaikan diri dengan komuniti yang berubah, belajar benda baru dan jadi pemimpin yang lebih baik.

Wah, jadi pemimpin komuniti ni banyak kena fikir, kan?



# Sumber - Sumber

## PERKHIDMATAN KESIHATAN MESRA QUEER

### *Projek BlueBird PLUHO*

People Like Us Hang Out (PLUHO) adalah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bermatlamat untuk membantu pihak queer dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan bantuan yang selamat dan terjaga.

Projek BlueBird yang mereka selenggara menyediakan cadangan perkhidmatan kesihatan mental yang disesuaikan untuk setiap individu melalui borang atas talian [sini](#).


Ketahui lebih lanjut di [linktr.ee/PLUHO](https://linktr.ee/PLUHO)

### *Panduan Klinik Kesihatan Mesra Queer*

Beberapa klinik-klinik kesihatan telah menyumbangkan maklumat mereka pada hamparan pangkalan data atas talian awam tentang perkhidmatan kesihatan mesra queer.

Hamparan ini termasuk penanda yang disusun mengikut negeri-negeri dalam Malaysia dan kesahihan klinik-klinik ini disahkan melalui testimoni pengguna.

Ketahui lebih lanjut di [bit.ly/MYQFClinics](https://bit.ly/MYQFClinics) **Pautan Hamparan**



## RUANG KOMUNITI SELAMAT

### *Rumah Angkat PLUHO*

Projek Rumah Angkat PLUHO adalah perkhidmatan perumahan peralihan yang bermatlamat untuk membekalkan perumahan sementara, pengurusan kes dan sokongan psikososial untuk LGBTIQ Malaysia yang perlukan perlindungan daripada keganasan, diskriminasi dan status gelandangan.

Ketahui lebih lanjut di [rumahangkat.org](https://rumahangkat.org)

### *SEED Foundation*

Pertubuhan Kebajikan dan Persekitaran Positif (SEED) adalah badan berasaskan komuniti pertama yang dipimpin pihak trans di Malaysia. SEED telah didaftarkan secara rasmi pada tahun 2014 dan diasaskan untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan sokongan untuk komuniti tertindas, terutamanya komuniti transgender.

Ketahui lebih lanjut di [seedfoundation.com.my](https://seedfoundation.com.my)

## AKTIVIS QUEER DAN/ATAU OKU TEMPATAN

Akaun-akaun **Twitter** yang dilampirkan di sini sering berkongsi sumber-sumber dan khabar baru tentang hak asasi queer dan/atau OKU.

- [@KamiSIUMAN](https://twitter.com/KamiSIUMAN)
- [@SEEDMalaysia](https://twitter.com/SEEDMalaysia)
- [@mindakami](https://twitter.com/mindakami)
- [@pluho\\_org](https://twitter.com/pluho_org)
- [@bolehspace](https://twitter.com/bolehspace)
- [@pelangicampaign](https://twitter.com/pelangicampaign)
- [@TabungPelangi](https://twitter.com/TabungPelangi)
- [@empowermalaysia](https://twitter.com/empowermalaysia)
- [@jejakaorg](https://twitter.com/jejakaorg)
- [@QueerLapis](https://twitter.com/QueerLapis)

# Partner Spotlight



## Innovation For Change - East Asia

I4C-EA adalah rangkaian beberapa kumpulan dan individu yang bermatlamat menyumbang terhadap pengukuhan masyarakat awam Asia Selatan dan membina rantau yang menghormati hak asasi manusia, kebebasan dan demokrasi.

Zin ini dicipta di bawah inisiatif Libraries of Resistance yang dianjurkan oleh I4C-EA. Zin ini tidak dapat wujud tanpa sokongan I4C-EA, dari sumbangan geran kewangan hinggalah bimbingan dari ahli-ahli projek dalam menghebahkan kisah kami di mata dunia.



# Partner Spotlight



## Tabung Pelangi

Diasaskan pada tahun 2020 sebagai inisiatif peribadi untuk keboleh capaian bengkung dada, Tabung Pelangi adalah sekumpulan sukarelawan queer yang berasaskan projek kreatif demi kebaikan komuniti.

Sebagai salah satu kolektif akar umbi queer yang digerakkan oleh para belia di Malaysia, Tabung Pelangi adalah rakan organisasi yang ideal untuk berhubung dengan kumpulan sasaran. Setelah memelopori zin kebajikan yang berjaya dan diterima baik seperti Stories for a Cause 1 dan 2, mereka menyumbang kepakaran mereka dengan menyebarkan publisiti dan meningkatkan kesedaran tentang kewujudan zin ini.

# Partner Spotlight



## **Kami Siuman**

SIUMAN adalah kolektif pesakit mental dan rakan-rakan yang memperjuangkan kesaksamaan sosio-ekonomi dan politik OKU mental di Malaysia.

Beberapa orang daripada ahli kolektif ini memiliki pengalaman aktif dan masih giat dalam memperjuangkan hak para OKU. Ilmu mereka yang sangat ekstensif dalam perjuangan hak OKU tempatan seluruh Malaysia sangat membantu dalam meningkatkan publisiti dan keboleh capaian zin ini di luar ruang digital.



# Santai dan Pandang Langit Berbintang

Zin ini bertujuan untuk merayakan kebahagiaan dalam hidup sebagai ahli komuniti queer dan OKU. Kisah keperitan dan kesusahan kami telah lebih dari cukup. Jadi kami dedikasikan zin ini sebagai peringatan lembut bahawa jalan hidup kami bukanlah suatu kisah tragis mahupun sebagai modal menagih rasa kasihan tetapi sebuah bentuk pengalaman yang berbeza. Komuniti kami berhak untuk mengalami harapan, kebahagiaan dan kebiasaan bahkan dalam dunia yang menganggap sebaliknya.

**BUKAN UNTUK DIJUAL  
UNTUK PENGAGIHAN ANTARA KOMUNITI  
SAHAJA**

